

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MAVCAP fund size at RM1.4 Bil, Says Madius	BERNAMA
2.	UTM kongsi kepakaran dengan komuniti	Berita Harian
3.	Waris mahu hukuman setimpal	Sinar Harian
4.	Gigi, serpihan tulang disyaki milik mangsa	Berita Nasional
5.	Ayak tanah cari bukti	Harian Metro
6.	Gigi, serpihan tulang jadi bukti kes bunuh, bakar	Utusan Malaysia
7.	Polis jumpa gigi, serpihan tulang dipercayai milik mangsa	KOSMO
8.	Daughters may get witness protection	New Straits Times
9.	Police found items belonging to Tapah murder victims	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)



MAVCAP Fund Size At RM1.4 Bln, Says Madius

KUALA LUMPUR, Nov 4 (Bernama) -- Malaysia Venture Capital Management Bhd's (MAVCAP) fund size of RM1.4 billion makes it the country's largest venture capital firm, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau.

He said MAVCAP, a government-owned company, has invested in 225 technological start-up companies directly and through its 16 Outsource Partners (OSPs).

"In addition, Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd (KMP) holds an average 20 per cent equity stake in technological start-up companies.

"The investment period is between five and 10 years, with the ultimate aim to enable the start-ups to be listed on Bursa Malaysia through an initial public offering (IPO), depending on the current market and economic conditions," he said.

Madius, replying to a question from Datuk Noraini Ahmad (Parit Sulong-BN) in the Dewan Rakyat, said his ministry has invested in six electrical and electronics firms with committed investments totalling RM50 million.

"The government has been helping technological start-up companies since the Ninth Malaysia Plan, through the provision of funding, expertise and technology.

"The ministry's agencies involved include Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), Malaysian Biotechnology Corporation (Biotech Corp), SIRIM Bhd, MIMOS Bhd and Technology Park Malaysia (TPM)," he added.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN (VARSITI INOVASI): MUKA SURAT V6

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)



Sebahagian daripada pelajar UTM menunjukkan kaedah menghasilkan kertas daripada serat nanas.



Peserta projek penyelidikan kertas nanas UTM bersama komuniti.

UTM kongsi kepakaran dengan komuniti

Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan program libatsama bersama-sama komuniti Kampung Parit Puteri Menangis, Pontian, Johor bagi mengelengahkan projek penyelidikan mengenai pengekstrakan serat daripada daun nanas secara kimia seterusnya menghasilkan kertas dari-

pada serat nanas.

Ketua Program Pemindahan Teknologi Kertas Nanas (Pinapaper), Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr Wan Aizan Wan Abd Rahman,

berkata program diselaraskan oleh Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN) itu mendapat sumitan dana daripada Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pekebun kecil

Katanya, program turut mendapat kerjasama jabatan kerajaan serta agensi luar seperti Lemba Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Malaysia Technology

Development Corporation (MTDC).

"Wakil MTDC berganding bahu bagi membantu proses pemindahan teknologi kertas nanas (Pinapaper) kepada komuniti pekebun kecil nanas di kampung itu.

"Pemilihan komuniti Kampung Parit Puteri Menangis ini adalah berdasarkan kepada aktiviti penanaman nanas yang meluas di kawasan itu," katanya.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 8
TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

Waris mahu hukuman setimpal

■ NÖRMAWATI ADNAN, SITI
KHAIRULNISHAH MOHAMMED
BAJURI & ROSDALILAH ZAHARI

IPOH - Ahli keluarga individu yang dipercaya menjadi mangsa pembunuhan kejam di Jalan Pahang, di sini mahu hukuman setimpal dikenakan ke atas mereka yang terlibat.

Abang kepada seorang daripada mangsa, Ng Chee Meng, 47, berkata, perbuatan bunuh, bakar dan membuang abu mangsa ke dalam sungai adalah sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan.

"Kenapa boleh jadi begitu, mereka buat mangsa sama macam binatang saja," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, di sini, semalam.


Chee Meng berkata, adiknya, Ng Ah Leng, 36, merupakan pekerja di Bengkel Suspek utama berusia 57 tahun itu, hilang tanpa dapat dikesan sejak Oktober 2012 lalu.

Menurutnya, sebelum hilang, mangsa yang merupakan anak ketiga daripada lima beradik ada memerangi warg掠 ter berjumrah RM5,000 dan berjanji mahu memberi sebahagian daripadanya kepada ahli keluarga.

"Bila adik saya tanya berkenaan wang itu, dia beritahu sudah beri sebahagiannya kepada suspek."

"Malah suspek sebelum ini pun ada hubung kami, beritahu konyonnya adik saya sudah tidak datang ke Bengkel sedangkan wang gaji dan kunci bilik sudah diambil."

"Mungkin itu telah dia, jadi



Polis menemui gigi, serpihan tulang, pakaian dan kasut di lokasi kejadian, semalam.

saya harap hukuman setimpal akan diberikan kepada mereka yang terlibat," katanya.

Syak motif dendam

Dalam pada itu, Karamjit Singh, 54, yang merupakan abang seorang daripada mangsa tidak menolak kemungkinan, kes pembunuhan ini ada kaitan dengan motif dendam.

Menurutnya, adiknya, Jasbeer Singh, 46, yang merupakan seorang ejen hartanah pernah memberitahu mempunyai urus niaga jual beli tanah dengan seseorang.

Katanya, mangsa sebelum ini pernah didesak supaya menjual tanah dengan harga murah, namun ia tidak dipersempit.

"Adik saya tidak setuju kerana dia cuma tolong jual saja, jadi tak boleh nak jual dengan harga murah."

"Mungkin orang itu adalah suspek, dan kerana tidak mahu menjual tanah, suspek mungkin membias dendam untuk membunuhnya," katanya.

Kerap datang rumah

"Kalau saya tahu dia ada niat jahat, saya tak benarkan dia rapat dengan mak," kata Raja, 47, anak tiri kepada seorang wanita yang dipercaya menjadi mangsa pembunuhan kejam sebuah keluarga di Jalan Pahang, di sini.

Raja berkata, kes kehilangan ibunya dilaporkan pada 2014 lalu dan sejak itu, tida sebarang petunjuk ditemui sehingga dia dikaitkan dengan pembunuhan terbabit.

Mangsa, Gunavathi, 56, merupakan pengusaha bas persiaran dilaporkan hilang pada 1 Mac 2014.

Raja berkata, ibu tirinya bo-

leh dikatakan seorang yang berada dan mempunyai kira-kira enam bas.

Katanya, dia mengenal suspek utama itu kerana beberapa kali berkunjung ke kediaman mereka di Kampung Pahang, di sini.

"Dulu selalu juga dia datang sini sembang dengan mak, saya tak rapat dengan dia, cuma kenal macam tu saja."

"Saya dengan mak pun bukan rapat sangat, tapi saya dapat tahu orang tu ada pinjam duit dengan mak," katanya.

Menurutnya, mangsa seorang yang periang dan selalu menghabiskan masa dengan bercuti termasuk ke luar negara.

Katanya, kaitan Gunavathi dengan kes terbabit secara tidak langsung membersihkan namanya yang sebelum ini dikatakan menjadi punca



Karamjit (kanan) percaya dendam antara motif pembunuhan.

utama kehilangan wanita berkenaan.

"Ada orang cakap saya yang jadi punca mak hilang, siapa tak sedih, takkanlah saya nak buat begitu."

"Sekarang dah terbuktii... tapi dalam masa sama saya geram dengan lelaki itu, kerapabegitu kejam," katanya.

Polis temui bukti baharu

Polis berjaya menemui beberapa lagi barang dipercaya dapat membantu siasatan berhubung kes orang hilang di Tapah yang dipercaya berlaku sejak tiga tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Senior Asisten Komisioner Goh Kok Liang berkata, antara bahan kes liang yang ditemui termasuk gigi, serpihan tulang, kasut dan pakaian.

"Kesemua barang tersebut akan dihantar kepada

hospital dan Jabatan Krimia untuk tujuan 'post mortem' dan analisis DNA," katanya.

Beliau berkata, setakat ini tiada tangkaparan bahan dibuat dan jumlah mangsa dilaporkan hilang masih kekal empat orang.

Dalam pada itu, semalam polis memulakan kembali rutin siasatan di lokasi kejadian pada jam 9 pagi.

Dua ledak dipercaya suspek utama berusia 57 tahun dan anak lelakinya berusia 20 tahun yang kini masih diramun turut dibawa ke lokasi kejadian.

Kedua-duanya berada di lokasi bagi tempoh hampir tujuh jam bermula sekitar jam 10 pagi sebelum dibawa keluar pada jam 5.30 petang.

Polis yang memerlukan kawasan siasatan di lokasi kejadian berjaya menemui beberapa lagi barang dipercaya dapat membantu siasatan berkenaan.

Suspek, seorang mekanik yang menjadi dalang pembunuhan bersiri itu melakukan perbuatan kejam dengan membunuh, membakar sebelum membuang abu mangsa ke dalam sungai.

Kegiatannya itu dibantu anak lelaki berusia 20 tahun dan turut ditahan bagi membantu siasatan kes berkenaan adalah isteri suspek berusia 54 tahun serta seorang lagi anak lelaki berusia 17 tahun.

Difahamkan, kedua-dua anak perempuan suspek masing-masing berusia 23 dan 11 tahun akan diberi perlindungan sementara untuk tujuan keselamatan.



Suspek dibawa ke lokasi kejadian bagi mencari bahan bukti.



Chee Meng ditemui media di lokasi pembunuhan, semalam.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 14
TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

BUNUH ALA KES SOSILAWATI

Gigi, serpihan tulang disyaki milik mangsa



Dua suspek kes pembunuhan di Jalan Pahang berhampiran Plaza Tol Tapah dibawa ke lokasi kejadian oleh pasukan polis untuk membantu siasatan. [FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]

» **Polis cari bahan bukti dipandu arah dua suspek**

Oleh Shaarani Ismail dan Farah Suhaidah Othman
bhnews.bh.com.my

■ Tapah

Gigi dan serpihan tulang disyaki milik mangsa, adalah di antara bukti baharu ditemui polis semalam, hasil siasatan selama enam jam sekitar bengkel kenderaan yang dipercayai menjadi lokasi pembunuhan kejam empat mangsa, di sini.

Ketua Jabatan Siasatan Jejanya Polis Perak, Senior Asisten Komisioner Goh Kok Liang,



Anggota forensik menjalankan siasatan di kawasan bengkel kenderaan. [FOTO L MANIMARAN/BH]

berkata pasukan penyiasat juga menemui kasut dan pakaian, dipercayai ada kaitan dengan pembunuhan yang dilanggar oleh empat suspek di situ.

"Hari ini, pasukan penyiasat

kembali ke lokasi kejadian untuk memperincikan pencarian bahan bukti, sambil dipandu arah oleh dua suspek yang dibawa sama.

"Hasil siasatan di bengkel

kenderaan berat yang dipercayai menjadi lokasi utama pembunuhan empat mangsa, polis menemui beberapa barang lagi termasuk gigi, serpihan tulang, kasut dan pakaian.

"Semua barang itu akan dihantar ke hospital dan Jabatan Kimia untuk bedah siasat dan analisis DNA," katanya dalam kenyataan di sini, sambil menjelaskan tiada tangkapan baharu dibuat berhubung kes berkenaan.

Tinjauan BH mendapati, pasukan penyiasat termasuk anggota forensik dan Unit Anjing Pengesan, membawa suspek dua beranak berusia 57 dan 20 tahun itu ke lokasi kejadian kira-kira jam 10 pagi dengan menaiki tiga pacuan empat roda dan beberapa kenderaan.

Kedua-duanya dibawa ke beberapa tempat sekitar lokasi kejadian termasuk stor, sekitar bengkel dan dalam rumah. Anggota forensik turut menapis tanah yang dikaut dari Sungai Ceroh dan kawasan bengkel milik suspek.

Petunjuk baharu


Kira-kira jam 3 petang, polis menemui beberapa bahan dipercayai petunjuk kepada pembunuhan di situ, antaranya, kereta sorong, dua gulungan dawai, sepasang kasut dan pakaian serta beberapa barang lain yang tidak dapat dipastikan.

Semua barang itu dibalut dengan kertas putih sebelum kedua-dua suspek dibawa melihat barang yang ditemui itu. Pasukan penyiasat itu meninggalkan lokasi kejadian bersama dua suspek kira-kira jam 5.30 petang.

Sementara itu, beberapa cebisan tulang dipercayai ada kaitan dengan pembunuhan empat mangsa yang ditemui dalam siasatan di lokasi sama sebelum ini dihantar ke Jabatan Kimia Perak di Ipoh, untuk ujian DNA, kira-kira jam 12.45 tengah hari semalam.

Izin lalu, cebisan tulang berkenaan dihantar untuk proses bedah siasat di Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 8
TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)



SUSULAN KELUARGA PUAKA

AYAK TANAH CARI BUKTI

Guna jengkaut korek bahagian stor tempat pembakaran mayat mangsa

Oleh Wan Asrudi Wan Hasan,
Muhammad Apendy Issahak
dan Arizal Aris
am@metro.com.my
Tapah

Mengayak dan menapis tanah untuk mencari bahan bukti, termasuk tulang dan gigi itu dilakukan pasukan penyiasat kes bunuh dan bakar empat individu dalam sebuah stor di belakang bengkel kendaraan di Jalan Pahang, berhampiran Plaza Tol Tapah, di sini, semalam.

Seawal jam 10 pagi, jengkaut digunakan untuk mengorek tanah di stor itu yang dipercayai menjadi tempat pembakaran mayat mangsa.

Wartawan Harian Metro yang meninjau kawasan berkenaan semalam dapat melihat pasukan penyiasat menemui beberapa bahan bukti, termasuk gigi, serpihan tulang, kasut dan pakaian yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes pembunuhan itu di lo-

bengkel berusia 57 tahun dan anak lelakinya berusia 20 tahun turut dibawa ke kawasan berkenaan.

Kedua-duanya yang memakai pakaian lokap berwarna oren dibawa dengan sebuah van diiringi beberapa pegawai polis.

Antara barang yang diambil pasukan forensik bagi membantu siasatan, termasuk kerec sorong, gelungan dawai, dua batang besi panjang dan beberapa barang

FAKTA
Pasukan penyiasat temui bukti termasuk gigi, serpihan tulang, kasut dan pakaian

kasi kejadian semalam. Menurutnya, siasatan pagi semalam itu memperincikan pencarian bahan bukti dengan dipandu arah oleh dua suspek.

"Semua bahan bukti itu akan dihantar kepada hospital dan Jabatan Kimia untuk analisis DNA," katanya.

Setakat ini belum ada tambahan mangsa atau tangkapan ke atas orang lain.

Pasukan penyiasat bersama dua suspek itu dilihat meninggalkan kawasan bengkel berkenaan pada jam 5.30 petang.

Kejadian menggemparkan negara itu membabitkan empat individu dipercayai menjadi mangsa kejaman empat sekeluarga yang tinggal di bengkel berkenaan.

Mirip pembunuhan jawatan kosmetik Datuk Sosilawati Lawi, keenam-

pat empat mangsa diperdayai dibunuh, dikerat dan dibakar sebelum abu mayat dibuang di dalam sungai berhampiran bengkel itu.

Mangsa, seorang pekerja dan broker tanah berusia 46 tahun dilaporkan hilang pada 25 Ogos lalu, pengusaha bas persiaran wanita berusia 56 tahun (hilang 1 Mac lalu), jurujual ganti kendaraan ber-

usia 54 tahun (hilang 15 Jun lalu) dan pekerja bengkel berusia 36 tahun yang dilaporkan hilang pada 30 Oktober 2012.

Setakat ini, polis percaya motif pembunuhan berkaitan masalah hutang serta seorang mekanik dikatakan mencuri harta suspek.

Kes kehilangan empat mangsa itu dibongkar selepas polis berjaya menge-

san isyarat telefon bimbit milik broker tanah terbabit hingga membawa kepada penahanan keluarga berkenaan.

Akhbar ini dalam laporan muka depan semalam menceritakan pengalaman penduduk berhampiran bengkel itu yang tercium bau busuk seperti bangkai selain pembakaran yang dilakukan di sebalik zink yang dijadikan pagar.



ANGGOTA Forensik mengumpul bukti tambahan yang ditemui di lokasi kejadian.

Gigi, serpihan tulang jadi bukti kes bunuh, bakar

Oleh SYUKRI SHAARI
dan ASLIZA MUSA
pengarang@utusan.com.my

■ TAPAH 4 NOV.

POLIS menemukan gigi, serpihan tulang, kasut dan pakaian dipercaya milik mangsa pembunuhan kejam oleh empat sekeluarga di sebuah bengkel kendaraan berat di Jalan Pahang di sini hari ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Senior Asisten Komisioner Goh Kok Liang berkata, kesemuanya bahan bukti berkenaan dan juga perengkuh besi serta paip besi yang dipercaya digunakan sebagai senjata pembunuhan dijumpai ketika polis melakukan siasatan di lokasi kejadian.

Jelasnya, kesemuanya barang berkenaan diantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh dan Jabatan Kimia untuk bedah siasat dan analisis asid deoksiribonukleik (DNA).

"Dalam siasatan yang dilakukan di tempat kejadian hari ini, beberapa barang lagi kita peroleh antaranya gigi, serpihan tulang, kasut dan pakaian.

"Setakat hari ini juga tiada tambahan mangsa yang terlibat atau tangkapan ke atas orang lain," katanya.

Sementara itu, dua suspek utama kes pembunuhan dibawa ke lokasi kejadian oleh pihak polis hari ini.

Kedua-dua lelaki berkenaan tiba pada kira-kira pukul 10 pagi dengan menaiki sebuah van dan sebuah kereta polis.

Difahamkan kawasan carian di sekitar bengkel yang turut memaparkan rumah suspek, memberi tumpuan di bahagian stor dan sungai yang disyaki tempat suspek membuang bahan bukti.

Dalam operasi hari ini, sebuah jengkaut dan Unit Anjing Pengesan (K9) turut dibawa ke lokasi kejadian bagi mengesan bukti di lokasi tersebut.

Ketua Polis Daerah Tapah, Superintenden Som Sak Din Keliaw tiba di lokasi sekitar pukul 12 tengah hari dengan menaiki kendaraan polis.

Kehadiran beliau dipercayai untuk meninjau perkembangan siasatan di sekitar kawasan tersebut.

Kira-kira pukul 12.30 tengah hari,



Som Sak dilihat meninggalkan pekarangan lokasi kejadian.

Usaha wartawan untuk mendapatkan kenyataan berhubung kes tersebut tidak berjaya apabila beliau enggan memberi sebarang komen dan segera meninggalkan lokasi kejadian.

Kedua-dua suspek dilihat dibawa keluar dari lokasi kejadian kira-kira pukul 2.20 petang, bagaimanapun mereka dibawa semula ke kawasan itu kira-kira pukul 3.30 petang.

Kedua-dua suspek kemudian dilihat memasuki dan menunjuk ke arah beberapa lokasi di sekitar kawasan bengkel, dipercaya ada kaitan dengan kegiatan jenayah mereka.

Jabatan Forensik mengambil masa kira-kira dua jam melakukan pemeriksaan di kawasan bengkel sebelum meninggalkan lokasi bersama-sama suspek pada pukul 5.30 petang.



**KERATAN AKHBAR
KOSMO : MUKA SURAT 10
TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

Polis jumpa gigi, serpihan tulang dipercayai milik mangsa

TAPAH. - Polis berjaya menemui beberapa barang bukti yang mempunyai kaitan dengan pembunuhan kejam empat individu yang bukan sahaja dibunuh, malah turut dipotong dan dibakar dan di sebuah bengkel membaiki bas di Jalan Pahang di sini semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Senior Asisten Komisioner Goh Kok Liang berkata, siasa-



KOK LIANG

tan pihaknya di lokasi kejadian menemui gigi, serpihan tulang, kasut dan pakaian di lokasi kejadian.

"Kesemua barang tersebut dihantar ke hospital dan jabatan kimia untuk analisis asid deoksiribonukleik (DNA).

"Setakat ini, tiada tambahan mangsa dan suspek yang terlibat dalam kes ini," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.



ANGGOTA polis membawa pakaian dipercayai milik salah seorang daripada empat mangsa bunuh yang ditemui di sebuah bengkel membaiki bas di Jalan Pahang, Tapah semalam.



DUA bahan bukti yang ditemui polis di lokasi pembunuhan semalam.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS): MUKA SURAT 10
TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)



The two suspects, clad in orange lock-up clothes, leading police Forensics personnel to several spots in the compound of the 'house of horrors' in Tapah yesterday. Pic by Muhaizan Yahya

Daughters may get witness protection

FOR THEIR SAFETY:

People may want to seek revenge for father's alleged crimes

SYLVIA LOO
AND RAHMAT KHAIRULRIJAL
TAPAH
news@nst.com.my

THE two daughters of the main suspect involved in the gruesome murders at the "house of horrors" in Jalan Pahang here may be put under a witness protection programme.


A source familiar with the investigations said police were worried about the lives of the suspect's daughters, aged 23 and 11, after news of the murders surfaced.

"For their safety, police have placed them under protection, as there may be people wanting to seek revenge for their father's crimes," said the source.

The source said the man's eldest daughter was helping police in investigations.

The main suspect, a mechanic aged 57, his 54-year-old wife and two sons, aged 20 and 17, were detained on Oct 26 in connection with the possible murders of four people.

Their initial remand orders were



extended another four days on Monday.

As police dig deeper into the case, a tale capable of churning stomachs is beginning to unravel over the gruesome goings-on at the family's home, which was believed to have begun in 2012 with the murder of an employee.

A source said the family's victims were believed to have suffered painful deaths, as they were beaten with materials found at the suspect's home-cum-workshop.

"To dispose of the victims' remains, the suspects would set the bodies aflame," said the source.

He denied reports that the main suspect had been banished to another state for being involved in organised crime.

However, the source said, the man did have seven convictions for non-violent crimes, such as theft, burglaries and criminal breach of trust.

State Criminal Investigation De-

partment chief Senior Assistant Commissioner Goh Kok Liang said a search of the family home yesterday turned up teeth, bone fragments, shoes and clothes believed to belong to the victims.

He said the items would be sent to Raja Permaisuri Bainun Hospital and the Chemistry Department for examination and DNA testing.

"We did not find additional victims, nor have there been any other arrests," he said.

A police Forensic Unit was seen arriving at the scene about 10am yesterday with two members of the family, who were wearing orange lock-up uniforms, in an unmarked police van.

They were accompanied by a K9 unit with two German Shepherds.

Investigators brought in an excavator to dig in areas where the remains of the victims were believed to be buried.

The suspects, shackled in chains, led investigators to several spots in the compound before being led back to the police van.

The Forensic Unit's return to the scene was believed to be in connection with a statement by Goh the previous day that police had reopened several missing persons cases to determine if the family could have been involved in these disappearances as well.

Sources said police returned to the scene acting on information obtained from the suspects.

"We are narrowing down our search," said a source.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)



Police Found Items Belonging To Tapah Murder Victims

TAPAH, Nov 4 (Bernama) -- Police have found several items, believed to belong to the gruesome murder victims, around the house of the suspects in Jalan Pahang, here Wednesday.

State CID chief ACP Goh Kok Liang said among the items were teeth, pieces of bones, shoes and clothes.

All items were sent to Raja Permaisuri Bainun Hospital and the Chemistry Department for post-mortem and DNA analysis, he told reporters here today.

The police were seen to have taken the artifacts from the areas around the suspects' house at 5.30 pm.

Goh said as at this evening no other arrest was made.

Last Monday, police apprehended a couple and their two sons, on suspicion of murdering at least four individuals around Tapah, 65 kilometres from here last week.

All suspects were nabbed in a house in Jalan Pahang, Tapah at about 1.30 pm on Oct 26. They have been remanded until Friday to facilitate further investigation into the case.

-- BERNAMA